

24 SEP 2002

BONUS KAKITANGAN AWAM DIBUAT DALAM DUA BAYARAN

KUALA LUMPUR, 24 Sept (Bernama) -- Bonus kepada kakitangan awam akan dibuat dalam dua bayaran iaitu pada Oktober dan Disember, kata Kementerian Kewangan hari ini.

Menurut kenyataan kementerian itu, pembayaran pertama pada bulan Oktober bertujuan membantu semua kakitangan awam membuat persiapan Hari Raya manakala pembayaran kedua pula pada Disember adalah bagi membantu meringankan beban menjelang persekolahan 2003.

Kementerian Kewangan berkata kos pembayaran bonus itu dianggarkan RM1,074 juta.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan semasa membentangkan Bajet 2003 Jumaat lepas mengumumkan bahawa kerajaan akan membayar bonus berdasarkan satu bulan gaji dengan minimum RM1,200 kepada semua kakitangan awam.

-- BERNAMA

FA RV ROS